

UCAPAN OLEH: DATO' SERI DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD
(PERDANA MENTERI)

UPACARA: MAJLIS PEMBUKAAN RASMI BANGUNAN TERMINAL BARU LAPANGAN
TERBANG ANTARABANGSA LANGKAWI

TEMPAT: LANGKAWI, KEDAH DARUL AMAN

TARIKH: 03 DEC 1995

MASA:

Saya mengucapkan terima kasih kepada Malaysia Airports Berhad kerana menjemput saya untuk merasmikan Bangunan Terminal Baru Lapangan Terbang Antarabangsa Langkawi pada malam ini.

2. Peranan dan fungsi lapangan terbang di zaman ini telah berubah daripada satu "kemudahan awam" kepada satu "pelaburan perniagaan" yang mempunyai kesan yang luas terhadap ekonomi, sosial dan politik negara. Sebab itu kita lihat seolah-olah berlaku satu persaingan besar dalam pembinaan lapangan terbang baru serta peningkatan kemudahan yang sedia ada di merata dunia. Kawasan Asia Pasifik diramalkan mempunyai kadar pertumbuhan industri penerbangan yang tinggi sekali untuk dekad-dekad yang akan datang.

3. Kita lihat sekarang di sekitar negara kita banyak lapangan terbang baru muncul menggantikan lapangan terbang yang lama yang tidak mampu lagi menampung keperluan semasa dan akan datang. Sebab itu tidak menghairankan jika berbillion ringgit diperuntukkan dalam kerja-kerja menambak laut dan menyesuaikan persekitaran untuk membina lapangan terbang. Malaysia juga tidak mahu ketinggalan dalam merebut peluang yang ada. Kerajaan akan melabur hampir RM9,000 juta untuk membangunkan Kuala Lumpur International Airport di Sepang yang dijangka siap untuk digunakan pada awal tahun 1998. Seperti juga dengan Lapangan Terbang Antarabangsa Subang yang semasa pembukaannya hanya mempunyai satu bangunan terminal dan satu landasan yang pendek tetapi hari ini mempunyai banyak bangunan dan kemudahan. Demikian juga Kuala Lumpur International Airport akan mendapat tambahan kemudahan sehingga akhirnya jumlah belanja meningkat mungkin kepada 20 ribu juta. Ini adalah pelaburan yang akan menguntungkan negara.

4. Pulau Langkawi telah menyaksikan pelbagai pembangunan sejak Kerajaan mengambil keputusan membina lapangan terbang ini untuk membuka laluan kepada penerbangan dalam dan luar negeri pada 1hb. Julai 1980 lalu. Kalau 10 tahun lalu Padang Terbang Langkawi hanyalah merupakan sebuah padang terbang kecil yang sunyi sepi dengan hanya mempunyai sebuah pondok kecil yang dijadikan bangunan terminal, kini Padang Mat Sirat bergegar dengan bunyi enjin pesawat-pesawat besar

dan juga jet-jet pejuang. Semenjak lapangan terbang ini dibuka untuk operasi Airbus pada tahun 1987, jumlah trafik telah meningkat dua kali ganda setiap tahun. Daripada 17,300 penumpang pada tahun 1987, kini lapangan terbang ini telah mengendalikan kira-kira 873,000 penumpang pada tahun lalu, iaitu 50 kali ganda dalam tempoh tujuh tahun, satu kadar pertambahan yang tertinggi di rantau ini dan mungkin juga di dunia. Pertambahan yang luar biasa ini telah memaksa Kerajaan memperbesarkan bangunan terminal sebanyak dua kali sebelum dikorporatkan lapangan-lapangan terbang di bawah Malaysia Airports Berhad. Adalah dijangkakan jumlah trafik penumpang akan meningkat ke angka satu juta pada penghujung tahun ini.

5. Bersesuaian dengan kadar pertumbuhan trafik yang menggalakkan serta perubahan peranan lapangan terbang sebagai satu "pelaburan perniagaan", Malaysia Airports Berhad telah mengambil langkah yang wajar untuk membangunkan semula bangunan terminal bagi memenuhi keperluan pengguna-pengguna di lapangan terbang ini. Melalui projek ini Malaysia Airports Berhad bukan sahaja telah memperluaskan kawasan terminal tetapi juga telah menambah pelbagai kemudahan seperti tempat membeli-belah, restoran dan kaunter pelancongan sebagai memenuhi kehendak penumpang dan pengguna-pengguna lapangan terbang.

6. Dalam penyediaan kemudahan-kemudahan ini Malaysia Airports Berhad juga telah berjaya mengimbangi antara keperluan pengguna dan peranannya sebagai syarikat perniagaan atau badan korporat. Saya yakin langkah-langkah yang telah diambil ini akan dapat mengengahkan lagi Pulau Langkawi sebagai pusat pelancongan dan membeli-belah yang popular.

7. Saya mengucapkan syabas kepada Malaysia Airports Berhad kerana membiayai dan melaksanakan projek ini dan berjaya menyiapkannya sempena dengan Pameran LIMA 1995. Ini akan memberi kesempatan kepada pengunjung-pengunjung ke Pameran LIMA 1995 melihat perubahan pesat yang berlaku di Langkawi selepas LIMA 1993.

8. Sebagai langkah jangka panjang Kerajaan mendapati bahawa adalah penting landasan terbang Lapangan Terbang Antarabangsa Langkawi ini dipanjangkan lagi untuk membolehkan pesawat-pesawat lebih besar seperti Boeing 747 membuat penerbangan terus ke Langkawi dari destinasi-destinasi yang jauh. Sehingga kini perkhidmatan penerbangan ke Langkawi adalah tertumpu kepada perkhidmatan dalam negeri dan perkhidmatan penerbangan serantau yang terhad.

9. Dengan kemudahan bangunan terminal yang lebih besar dan selesa ini serta kemudahan penginapan yang lebih banyak dengan disokong pula dengan aktiviti-aktiviti pelancongan yang kian bertambah, Lapangan Terbang Langkawi ini mampu untuk memainkan peranan penting dalam rancangan pembangunan bersama Malaysia, Thailand, Indonesia, sebagai Lapangan

Terbang Pelancongan. Justeru itu masanya telah tiba untuk Syarikat Penerbangan Malaysia memperluaskan perkhidmatannya ke destinasi-destinasi serantau dengan mengadakan perkhidmatan antarabangsa secara langsung ke Langkawi. Penerbangan secara langsung ke Langkawi akan dapat meningkatkan lagi aktiviti ekonomi di pulau ini. Di bawah dasar Kerajaan yang liberal terhadap perkhidmatan udara, saya menjangkakan syarikat-syarikat penerbangan asing akan mengambil peluang ini untuk datang ke Pulau Langkawi dengan secepat mungkin.

10. Saya difahamkan bahawa Malaysia Airports Berhad juga akan melaksanakan projek yang serupa di Johor Bahru, Pulau Pinang dan Miri dalam usaha mereka untuk meningkatkan taraf lapangan terbang dalam negara secara berperingkat-peringkat. Usaha ini adalah selaras dengan matlamat dan kehendak penswastaaan Kerajaan untuk memajukan lagi sektor penerbangan awam. Sekiranya konsep pembangunan bangunan terminal lapangan terbang Langkawi ini dijadikan sebagai "showcase" kepada bangunan-bangunan terminal yang akan dilaksanakan oleh Malaysia Airports Berhad, maka di dalam tempoh yang singkat ini kita akan dapati kebanyakan daripada lapangan terbang di Malaysia akan berubah corak dan mempunyai rekabentuk yang menarik dan praktikal.

11. Saya juga diberitahu bahawa beberapa ciri bangunan terminal baru Lapangan Terbang Langkawi adalah diasaskan kepada ciri-ciri yang serupa yang akan terdapat di Kuala Lumpur International Airport di Sepang kelak. Selaku "lessee dan operator" KLIA Sepang kelak, saya berharap Malaysia Airports Berhad akan dapat menggunakan pengalaman di dalam pengurusan operasi bangunan terminal baru ini sebagai panduan dalam penyediaan perkhidmatan untuk KLIA Sepang kelak. Di sini saya mengambil kesempatan untuk menyarankan kepada Malaysia Airports Berhad, Penerbangan Malaysia dan semua agensi Kerajaan dan organisasi swasta yang menyediakan perkhidmatan di lapangan terbang untuk memberi perhatian kepada perkhidmatan secara bersepadu supaya peningkatan daripada segi kemudahan digemblengkan dengan peningkatan tahap perkhidmatan.

12. Perubahan-perubahan fizikal yang berlaku di-persekitaran kawasan Lapangan Terbang Langkawi menunjukkan adanya keperluan untuk mengkaji semula pembangunan di kawasan Padang Mat Sirat. Saya ingin mencadangkan agar satu kajian semula dilakukan terhadap pembangunan pekan Padang Mat Sirat supaya kawasan ini dapat dibangunkan dan diserapkan sebagai suatu pusat pembangunan yang menarik dan saling membantu di dalam pembangunan industri penerbangan awam. Di dalam hal ini perhatian juga perlulah diberi agar pembangunan yang dirancang, dapat dinikmati sama oleh penduduk tempatan Langkawi.

13. Saya mengucapkan syabas kepada Malaysia Airports Berhad di atas penyiapan bangunan terminal baru Lapangan Terbang Langkawi dalam jangkamasa hanya 10 bulan dan sempat dibuka sebelum Pameran LIMA 95.

14. Dengan ini, saya dengan sukacitanya merasmikan
pembukaan bangunan terminal baru Lapangan Terbang Langkawi.